**SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 24 TAHUN 2020**

27 Oktober 2020

Semua Dekan/Ketua Jabatan/Pengarah

Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

**SKIM BUDI BAKTI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./tuan/puan, Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-127 Bil. 5/2020 pada 18 Oktober 2020 telah meluluskan cadangan untuk mewujudkan Skim Budi Bakti UUM bagi memberikan peluang kepada pesara UUM yang bersara untuk terus menyumbangkan kepakaran masing-masing kepada Universiti.

3. Skim ini adalah terbuka kepada staf akademik dan staf pentadbiran dari kumpulan pengurusan dan profesional yang berminat serta perlu mendapat sokongan dari Dekan Pusat Pengajian atau Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

4. Bersama-sama ini disertakan butir-butir skim ini untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

**'ILMU BUDI BAKTI"**
**"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah

**BAHARUDIN BIN YAACOB**
Pendaftar
b.p. Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

s.k. - Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
- Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)

| | |
|---|---|
| NAMA SKIM | **SKIM BUDI BAKTI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA** |
| DISKRIPSI SKIM | a) Skim ini adalah skim amal, khusus kepada **staf UUM yang telah bersara**.<br>b) Skim ini terbuka kepada staf akademik dan staf pentadbiran (pengurusan dan profesional) yang berminat untuk terus menyumbang khidmat bakti dan amal kepada Universiti selepas bersara.<br>c) Keutamaan kepada Profesor dan Profesor Madya. |
| KATEGORI | Skim Khas |
| KATEGORI JAWATAN | Akademik & Pentadbiran |
| NAMA JAWATAN | a) Profesor atau Profesor Madya bagi pesara staf akademik<br>b) Jawatan pegawai pengurusan & profesional lain bagi pesara staf bukan akademik |
| GELARAN | Profesor atau Profesor Madya<br>(untuk Staf Akademik sahaja) |

***Skim ini telah diperaku dalam JPU kali ke-271 Bil.8/2020 pada 2 September 2020 dan diluluskan dalam LPU kali ke-127 Bil. 5/2020 bertarikh 18 Oktober 2020***

| | |
|---|---|
| ELAUN | Bayaran hanya melibatkan **elaun penyeliaan sahaja** dengan kadar seperti berikut:-<br><br>**Minimum** : RM450.00 x 1 pelajar = RM450.00 / sebulan<br>**Maksimum** : RM450.00 x 3 pelajar = RM1,350.00 / sebulan |
| TARAF LANTIKAN | Sambilan |
| TEMPOH LANTIKAN | a) Satu (1) tahun atau suatu tempoh yang diluluskan oleh pihak berkuasa Universiti.<br>b) Boleh dilanjutkan atas keperluan semasa. |
| BIDANG TUGAS JAWATAN | Pemohon boleh memberi sumbangan kepakaran kepada Universiti berdasarkan persetujuan dengan Dekan Pusat Pengajian atau Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam skop seperti berikut:-<br><br>**Staf Akademik**:<br>a) Penyeliaan<br>b) Pengajaran<br>c) Penyelidikan<br>d) Penerbitan<br>e) Perundingan<br>f) Pementoran<br>g) Pengembangan ilmu<br>h) Kerjasama industri<br>i) Lain-lain sumbangan<br>j) Boleh dilantik sebagai Penilai Luar<br><br>**Staf Pentadbiran**:<br>a) Perkongsian Pengalaman<br>b) Kepakaran pentadbiran<br>c) Lain-lain sumbangan |
| MELAPORKAN KEPADA | Dekan Pusat Pengajian / Ketua PTJ |
| KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN | a) Perubatan<br>Kemudahan perubatan disediakan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan kemudahan ini hanya untuk staf sahaja selaras dengan skim perkhidmatan perubatan UUM.<br><br>b) Cuti Rehat<br>Tiada |

***Skim ini telah diperaku dalam JPU kali ke-271 Bil.8/2020 pada 2 September 2020 dan diluluskan dalam LPU kali ke-127 Bil. 5/2020 bertarikh 18 Oktober 2020***

c) Tuntutan Perjalanan/Penginapan
Tertakluk kepada kelulusan Pusat Pengajian/ PTJ dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

d) Ruang pejabat dan kemudahan lain
Boleh diperuntukkan jika menjadi keperluan dan tertakluk kepada kekosongan di Pusat Pengajian/ PTJ

| | |
|---|---|
| KEHADIRAN BEKERJA | Kehadiran mengikut keperluan Pusat Pengajian / PTJ |
| SYARAT PERMOHONAN | d) Terbuka kepada staf akademik atau staf pentadbiran kumpulan pengurusan dan profesional yang berminat;<br>e) merupakan **staf UUM yang telah bersara**;<br>f) keutamaan diberikan kepada staf yang bersara pada jawatan Profesor dan Profesor Madya;<br>g) Umur tidak melebihi 70 tahun; dan<br>h) Sihat tubuh badan serta melepasi pemeriksaan kesihatan. |
| PROSEDUR PERMOHONAN | a) Calon yang berminat boleh mendapatkan borang permohanan dari laman sesawang Jabatan Pendaftar/ mendapatkannya dari kaunter Jabatan Pendaftar;<br>b) mengemukakan borang permohonan yang telah lengkap diisi bersama-sama *Curriculum Vitae (CV)* berserta gambar berukuran passport terkini kepada pejabat Dekan/ Ketua PTJ yang berkenaan bagi mendapatkan sokongan; dan<br>c) Borang berserta dokumen sokongan akan dikemukakan oleh pejabat Dekan/ Ketua PTJ kepada Jabatan Pendaftar bagi tujuan pertimbangan pihak Universiti |

**Disediakan oleh : Jabatan Pendaftar**
**Tarikh : 27 Oktober 2020**

***Skim ini telah diperaku dalam JPU kali ke-271 Bil.8/2020 pada 2 September 2020 dan diluluskan dalam LPU kali ke-127 Bil. 5/2020 bertarikh 18 Oktober 2020***